

16/08/2000

Usaha memulihkan semangat keMelayuan

Jamhariah Jaafar

TEORI konspirasi politik yang semakin lantang dilaungkan Barat, terutama membabitkan keputusan perbicaraan Datuk Seri Anwar Ibrahim, sebenarnya perlu dikaji dengan teliti dengan persoalan siapa yang berkonspirasi dan apa matlamat mereka.

Tanpa menghormati kedaulatan serta mencabuli dasar tidak campur tangan Malaysia, kuasa besar dengan tidak segan-silu mengkritik negara ini dan membuat kesimpulan bahawa apa yang berlaku semuanya adalah konspirasi politik parti pemerintah.

Tetapi tuduhan itu sepatutnya dilontarkan semula kepada negara yang lantang ini, dengan mempersoalkan apakah motif mereka mengkritik dan apakah hasil yang diharapkan daripada kritikan itu. Adakah luahan itu memang benar-benar amarah atau kelantangan itu menyembunyikan agenda negara terbabit?

Apa yang pasti, rakyat negara ini kini terbahagi kepada beberapa puak - segelintir yang sedih dengan hukuman yang dijatuhkan dan ramai yang bersorak serta bertepuk tangan kerana perjuangan mereka kini kembali menerima perhatian antarabangsa.

Apa yang kita bimbangkan, khususnya bagi bangsa Melayu yang bersorak riang itu, ialah kemungkinan satu hari nanti kita akan menjadi seperti Pak Kadok, menang sorak kampung tergadai. Adakah mereka sudah lupa dengan sejarah yang mana Tanah Melayu tergadai selama lebih 450 tahun di tangan Portugis, Belanda, Inggeris dan Jepun?

Mungkin ramai yang kini melihat sejarah sebagai sekadar hafalan untuk lulus peperiksaan. Tetapi tidakkah krisis ekonomi yang melanda negara tiga tahun lalu, menyaksikan kita hampir sekali lagi dijajah? Cuma bentuk penjajahan saja berbeza tetapi penderitaan yang dialami adalah sama, malah lebih perit lagi.

Contoh terbaik di seberang laut patut dijadikan pengajaran kepada bukan saja bangsa Melayu, bahkan seluruh rakyat Malaysia. Cuma tumpuan yang lebih patut diberi kepada bangsa Melayu, kerana ini adalah bumi warisan yang mungkin tidak akan tertebus sekiranya ia tergadai sekali lagi.

Simpati yang ditunjukkan oleh kuasa besar, terutama Barat, begitu jarang diiringi dengan keikhlasan, sebaliknya sering hadir seperti pepatah 'ada udang di sebalik batu'. Mana pernah berlaku kehadiran mereka tanpa sebarang usaha untuk menguasai kekayaan bumi yang dipijaknya. Sejak dari dulu sehinggalah sekarang, jiwa penakluk yang dimiliki menjadikan mereka antara kumpulan manusia yang tidak putus-putus membuat onar di negara orang.

Ledakan krisis kewangan yang melanda teruk rantau ini, termasuk Malaysia pada 1997, adalah usaha paling lantang yang dijalankan oleh konspirator Barat untuk menguasai, terutama negara-negara Asean yang dianggap lemah. Kejayaan menundukkan beberapa negara, termasuk Thailand, Filipina dan Indonesia supaya menerima bantuan yang diiringi pelbagai syarat menindas, manakala Malaysia pula enggan tunduk, menaikkan kemarahan mereka.

Malaysia ibarat menentang arus dengan bukan saja menolak bantuan badan-badan kewangan antarabangsa, bahkan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang pernah digelar keras kepala oleh pemimpin Australia, Paul Keating, sekali lagi menyanggah semua penawar yang disusun.

Sebaliknya, Perdana Menteri terus dengan pendirian tegasnya, termasuk melaksanakan kawalan modal berpilih, mengikat nilai ringgit dengan dolar

Amerika di samping mendesak dunia antarabangsa menstrukturkan semula sistem kewangan dunia yang awalnya dikritik teruk tetapi akhirnya terbukti kebenarannya.

Sikap tidak bertolak ansur Dr Mahathir untuk memastikan negara ini tidak menjadi 'pariah' yang terpaksa meminta sedekah daripada kuasa besar, membuka ruang untuk musuh dan pengkritiknya mencetuskan keadaan tidak puas hati.

Ia turut memberi ruang kepada musuhnya pada peringkat antarabangsa mengubah taktik, kali ini dengan menyemarakkan perasaan marah dan benci rakyat, terutama bangsa Melayu, terhadap pemimpin yang sukar untuk dicari penggantinya ini.

Justeru, peringatan Dr Mahathir yang juga Presiden Umno ketika pertemuan dengan ahli-ahlinya, Jumaat lalu, adalah penting dan wajib diberi perhatian serius, bukan saja oleh ahli parti itu, bahkan seluruh bangsa Melayu di negara ini.

Kemelut yang melanda bangsa berdarah pahlawan ini patut ditangani segera dalam semangat keMelayuan yang padu sekiranya kita tidak mahu melihat penjajahan berulang. Perpecahan disebabkan kepartian, perasaan tidak puas hati dan kecewa terhadap pelbagai peristiwa yang berlaku sejak beberapa tahun lalu, patut dileraikan segera.

Kerana itu, Umno sebagai parti terunggul Melayu negara ini mempunyai tanggungjawab yang amat besar untuk memulihkan penyakit Melayu yang semakin kronik ini. Penyakit berpunca daripada sikap benci ini akan membuka ruang untuk bangsa asing menafikan hak kita, termasuk membuat pelbagai tuntutan yang selama ini menjadi keistimewaan kaum pribuminya.

Perdana Menteri ketika menyentuh mengenai tahap kebencian sehingga ada yang sanggup membunuh, berkata: "Sekarang kita lihat hasil daripada kempen (membenci parti pemerintah) yang bermula sebelum merdeka, sekarang ini sudah sampai pada tahap yang amat berbahaya kepada kita yang mungkin akan menyebabkan orang Melayu sekali lagi terdedah kepada bahaya hilang kuasa di dalam negara sendiri.

"Bahaya itu akan menjadi amat besar sekiranya kita terus menjadi lemah, sehingga (membuka peluang) kaum lain menuntut hak mereka dan meniadakan hak kita, sehingga orang asing dapat menundukkan kita dan kita akan hilang kebebasan dan kemerdekaan."

Justeru, ungkapan 'perjuangan belum selesai' yang selalu dilaungkan oleh Umno sepatutnya dijadikan pegangan lebih kukuh, terutama dalam usaha untuk memulihkan semula semangat keMelayuan yang semakin terhakis disebabkan perasaan benci di kalangan bangsa Melayu. Oleh itu, tugas ini perlu bermula dari dalam dengan membersihkan diri ahli Umno sendiri.

Landasan perjuangan Umno untuk bangsa Melayu perlu diluruskan segera kerana hanya melalui perjuangan yang ikhlas dapat meningkatkan martabat bangsa dan agama Islam. Sikap lalai, angkuh dan pentingkan diri sendiri patut dikikis selicin-licinnya, manakala perjuangan Umno mesti kembali ke landasan asal, iaitu berpaksikan semangat keMelayuan yang jitu.

Kegagalan berbuat demikian akan menjadikan bangsa Melayu semakin hanyut dengan suasana perpecahan dan akhirnya kata-kata hikmat Hang Tuah 'tidak Melayu hilang di dunia' mungkin tidak akan kedengaran lagi.

Hakikat ini bagaimanapun, tidak adil sekiranya dibebankan hanya di bahu pemimpin Umno kerana ia parti pemerintah, sebaliknya parti politik lain dan seluruh bangsa Melayu juga patut dipertanggungjawabkan.

Tumpuan khusus kepada Umno adalah kerana ia adalah parti pemerintah sejak 43 tahun lalu yang telah mengubah wajah Malaysia dari sebuah negara mundur kepada antara negara membangun yang paling maju sekarang.

Umno tidak pernah gagal dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawabnya, baik dari segi kemajuan fizikal sehingga kepada pembangunan umat Islamnya yang kini menjadi negara contoh kepada negara-negara Islam lain.

Sifat iri hati parti Melayu yang lain untuk memecah-belahkan perpaduan Melayu juga patut mula dibendung mulai sekarang. Mungkin mereka berasa gembira kerana sentimen kebencian yang disebarikan mendapat sambutan bukan saja di kalangan rakyat negara ini, bahkan kuasa asing tetapi mungkin harga yang perlu dibayar suatu hari kelak ialah air mata darah.

Apa yang kita tidak mahu ialah rangkap lagu Warisan yang berbunyi "Nenek moyang kaya-raja, terkadai seluruh harta benda. Akibat sengketa sesamalah kita, bumi dipijak milik orang," menjadi realiti.

(END)